

25 OCT 2002

S'pura-Rais/I

S'PURA BIDAS CADANGAN RAIS MENGENAI AKTA AIR BARU

SINGAPURA, 25 Okt (Bernama) -- Perang mulut dengan Malaysia berterusan apabila Singapura mempersoalkan cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim untuk mewujudkan akta baru bagi menyelesaikan isu air antara kedua-dua negara.

"Kenyataan Rais Yatim itu tidak termaktub dalam jaminan yang berulang kali ditegaskan oleh kerajaan Malaysia bahawa Perjanjian Air 1961 dan 1962 akan dihormati," kata kenyataan Kementerian Luar Singapura (MFA) hari ini.

Bagaimanapun kenyataan itu tidak merujuk kepada perkara khusus kenyataan Dr Rais semalam.

Dr Rais dipetik sebagai berkata bahawa Malaysia tidak ketandusan cara dalam menangani masalah penjualan air ke Singapura, yang salah satu caranya ialah kemungkinan mewujudkan akta bekalan air baru bagi pihak luar.

Katanya akta demikian boleh menyatakan bahawa bekalan air kepada pihak luar adalah tertakluk kepada keperluan dalaman Malaysia dan "ia tidak salah untuk Malaysia menggunakan undang-undang baru itu dan menyatakan perkara berkenaan."

Bagi mengukuhkan kenyataannya, MFA memetik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam New Straits Times keluaran 3 Mei 2002 dan 7 Ogos 2002.

"Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa Malaysia "terikat' dengan Perjanjian Air dan "tidak boleh mengingkari perjanjian itu" (New Straits Times, 3 Mei 2002).

Dr Mahathir juga dipetik sebagai berkata: "Faktanya berdasarkan perjanjian kita (Malaysia) mesti membekalkan mereka (Singapura) dengan air. Kita akan terus, kita telah berjanji dengan mereka bahawa kita akan membekalkan mereka dengan air..." (New Straits Times, 7 Ogos 2002).

MFA turut merujuk kenyataan pembukaan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pada Mesyuarat Peringkat Menteri Pertama mengenai Pakej Isu-isu di Putrajaya pada 1 Julai 2002.

Syed Hamid telah berkata bahawa "Malaysia telah berulang kali menyebut ia akan menghormati perjanjian 1961 dan 1962 sehingga tempohnya tamat, masing-masing pada 2011 dan 2061", kata kenyataan itu.

"Semasa pemisahan Singapura, Malaysia tidak mencadangkan perjanjian itu dikaji semula. Ia terus menghormati perjanjian itu dan dikuatkuasakan lagi apabila Malaysia menandatangani Perjanjian Pemisahan dalam 1965," Syed Hamid dipetik sebagai berkata.

Kenyataan itu berkata dua perjanjian air itu adalah sah di sisi undang-undang, dan pelaksanaannya adalah dijamin oleh kedua-dua kerajaan dalam Perjanjian Pemisahan itu.

-- BERNAMA

SS HM